



Kelantan junjung kasih atas keprihatinan Sultan Kelantan naungi pembangunan negeri

10 resolusi perkukuh institusi pondok

Bekalan air bersih di Kelantan dijangka stabil menjelang 2030

Ilmu, hikmah dan pengalaman kunci kepimpinan belia – MB Kelantan

Sultan Kelantan titah Persekutuan percepatkan pelaksanaan KBKK, LTU menjelang Sukma 2028

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 29 September – Sultan Kelantan Sultan Muhammad V menitahkan agar kerajaan Persekutuan mempercepatkan pelaksanaan infrastruktur strategik di negeri ini, khususnya Lebuhraya Kota Bharu–Kuala Krai (KBKK) dan Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (LTU), sebagai persediaan menjelang penganjuran Sukan Malaysia (Sukma) 2028.

Baginda bertitah, kemudahan jalan raya itu penting kerana menjadi laluan utama ke Kompleks Sukan Bukit Merbau, mercu pembangunan sukan baharu Kelantan yang bakal menjadi pusat tumpuan ketika temasya terbesar negara berlangsung.

“Beta menyeru agar kerajaan Persekutuan dapat mempercepatkan penyediaan infrastruktur jalan penghubung ke kompleks tersebut, termasuk projek KBKK, LTU serta penaiktarafan dan pembinaan jalan susur ke Kompleks Sukan Bukit Merbau,” titah baginda.

Sultan Muhammad V bertitah demikian ketika menyempurnakan Istiadat Pengurniaan Kehormatan Kebesaran Negeri Kelantan sempena ulang tahun keputeraan baginda ke-56 di Istana Balai Besar, di sini, hari ini.

Baginda turut menzahirkan



foto ihsan: Metro

rasa gembira dengan perkembangan positif Kompleks Sukan Bukit Merbau yang kini muncul sebagai mercu baharu landskap sukan negeri.

Dalam titah yang sama, Sultan Muhammad V menyentuh perkembangan ekonomi Kelantan yang mencatat pertumbuhan 3.6 peratus pada tahun lalu, meningkat daripada 2.6 peratus pada tahun sebelumnya, dengan sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

“Malaysia mencatat pertumbuhan kukuh 5.1 peratus, dipacu permintaan domestik, manakala Kelantan turut merekodkan pertumbuhan positif 3.6 peratus dengan semua sektor ekonomi negeri

menunjukkan prestasi memberangsangkan,” titah baginda.

Baginda turut menyambut baik pengumuman Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) bertemakan Melakar Semula Pembangunan, yang memberi fokus kepada peningkatan taraf hidup rakyat serta penstrukturan semula ekonomi negara, termasuk beberapa inisiatif penting untuk Kelantan seperti pembangunan Hab Ekonomi Biru, penaiktarafan infrastruktur bunkering, industri pembinaan dan pembaikan kapal, serta menaik taraf Pelabuhan Tok Bali.

“Sehubungan itu, beta menyeru agar kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan sektor swasta berpadu usaha merealisasikan agenda ini,” titah baginda.



Beta menyeru agar kerajaan Persekutuan dapat mempercepatkan penyediaan infrastruktur jalan penghubung ke kompleks tersebut, termasuk projek KBKK, LTU serta penaiktarafan dan pembinaan jalan susur ke Kompleks Sukan Bukit Merbau,”

Baginda turut menekankan potensi Kelantan sebagai hab pengeluaran makanan negara dan menyeru kerajaan negeri mempergiatkan promosi pelbagai produk pelancongan baharu menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026, termasuk pelancongan bandar, kebudayaan, warisan, kesenian, gastronomi, pesisir pantai, eko, agro dan geopelancongan.

“Beta percaya rakyat Kelantan yang terkenal dengan keramahan dan nilai hospitaliti tinggi berupaya melonjakkan pelancongan berasaskan komuniti sebagai produk pelancongan masa depan negeri. Aspek kebersihan, keindahan landskap dan kemudahan awam juga perlu sentiasa dipertingkatkan,” titah baginda.



Kelantan junjung kasih atas keprihatinan Sultan Kelantan naungi pembangunan negeri

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 29 September – Kerajaan Negeri Kelantan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V atas keprihatinan baginda dalam menaungi pembangunan negeri merangkumi agama, ekonomi, pendidikan dan keharmonian rakyat.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata keprihatinan tuanku menyerlahkan kemakmuran bumi Kelantan serta menyemarakkan kasih mesra antara raja dan rakyat.

"Pentadbiran Kerajaan Negeri kini memasuki tahun kedua dengan komitmen penuh berteraskan Pelan Strategik Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang menjadi panduan tadbir urus menuju Kelantan Sejahtera 2033. PMBI menzahirkan tekad kerajaan berpaksikan prinsip Islam, seiring



tema Islam Dijunjung, Rakyat Bersatu, Negeri Berkat, Raja Berdaulat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Santapan Malam Persembahan Kerajaan Negeri Kelantan sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Muhammad V ke-56 di Dewan Dato' Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, malam ini.

Menurutnya, pentadbiran negeri berada pada landasan tepat dengan 89 program utama portfolio Exco dipantau konsisten sehingga tahun 2028.

"Prestasi ekonomi negeri mencatatkan peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kepada RM28.7 bilion pada tahun 2024 berbanding RM27.6 bilion pada 2023, dengan pertumbuhan 3.6 peratus berbanding 2.6 peratus sebelumnya. Insya-Allah, prestasi ini akan terus dipertingkatkan ke arah sasaran pertumbuhan enam peratus KDNK pada tahun-tahun mendatang," ujarnya.

Tambahnya, projek infrastruktur utama seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra,



dan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai dijangka siap pada akhir 2026 atau awal 2027.

"Perkembangan ini bakal memberi wajah baharu kepada ekonomi dan pelaburan Kelantan. Seiring itu, kerajaan negeri akan memastikan kelestarian pembangunan agar kesannya dinikmati rakyat," katanya.

Menteri Besar turut yakin kerjasama padu anggota pentadbiran kerajaan dan penjawat awam menjadi pemacu kejayaan demi kemakmuran negeri serta kesejahteraan rakyat.

Ulama diseru jadi tongkat serandang kelangsungan dasar MBI



Oleh: Asri Hamat

PASIR MAS, 28 September – Ulama dan asatizah diseru agar terus menjadi tongkat serandang dalam memberi pandangan, teguran serta idea demi memastikan kelangsungan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang akan genap 35 tahun pada 21 Oktober ini.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata peranan para agamawan sebagai pembimbing umat amat penting, bukan sahaja untuk mempertahankan ketuanan Islam bahkan dalam menghadapi cabaran semasa termasuk arus teknologi baharu.



Beliau menyampaikan amanat itu pada Ijtimak Pondok Semalaysia 5.0 yang berlangsung di Pondok Gelang Mas, Pasir Mas pada Sabtu.

"Kita kena satukan tindakan kerana kita adalah pemimpin komuniti. Konsep wahdatul amal dan wahdatul fikri mesti diperkukuhkan agar masyarakat terus merujuk kepada ulama dalam urusan agama," katanya.

Menurutnya lagi, penyalahgunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) menjadi cabaran baharu apabila ucapan panjang boleh disunting serta dimanipulasi bagi mewujudkan naratif menyeleweng. Justeru, ulama perlu tampil memberi bimbingan agar umat tidak ter-

jerumus dalam kekeliruan.

Di samping itu, YB Mohd Asri turut memberi amaran terhadap fenomena penghijrahan kefahaman agama yang membimbangkan, termasuk kemunculan golongan atheis yang bergerak secara terbuka.

"Pada 2017, terdapat satu perhimpunan atheis di Kuala Lumpur yang menghimpunkan lebih 5,000 pengikut, majoritinya menggunakan nama Melayu. Mereka turut mendapat sokongan NGO liberal seperti Sisters in Liberal (SIL) yang terang-terangan mencabar kedudukan Islam dan pelaksanaan undang-undangnya," katanya.

Dalam konteks ini, beliau menegaskan ulama tidak boleh membiarkan ada pihak dari kalangan umat

Islam sendiri menjadi "duri dalam daging" dengan mencabar Enakmen Syariah, sebagaimana yang berlaku dalam kes cabaran terhadap 16 enakmen oleh Nik Elin.

YB Mohd Asri memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan kini dalam fasa akhir untuk mewariskan semula 16 seksyen Enakmen Syariah yang dicabar sebelum ini.

"Jangan jadi seperti rumah sudah siap, tetapi ada pula yang merobohkannya. Ulama, tuan guru dan asatizah mesti membendung perkara ini," tegasnya.

Program ijtimak tersebut turut dihadiri Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Ahli Parlimen Pasir Mas YB Ahmad Fadli Shaari, Ahli Dewan Negeri (ADN) Tendong YB Rozi Muhammad, Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan Dato' Ibrahim Deris, Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Dato' Nik Abdul Kadir Muhammad dan Mudir Pondok Gelang Mas, Tuan Guru Awang Yusof.

10 resolusi perkukuh institusi pondok

Oleh: Norzana Razaly

PASIR MAS, 29 September – Ijtimak Pondok Semalaysia 5.0 yang berlangsung di Madrasah Yusufiah, Pondok Banggol Naim Gelang Mas pada Sabtu merumuskan sepuluh resolusi penting bagi memperkukuh institusi pondok di seluruh negara.

Resolusi tersebut menegaskan bahawa pertama, semua pondok di Malaysia mesti berpegang teguh kepada aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah berteraskan Asyairah dan Maturidiah, di samping memperkukuhkan keaslian kitab turath sebagai sumber ilmu dan rujukan utama.

Antara ketetapan lain termasuk perkara ketiga iaitu penubuhan Majlis Gabungan Pondok-Pondok Semalaysia yang dianggotai NGO dan wakil negeri bagi memberi garis panduan serta pemantapan hala tuju institusi pondok.

Keempat, penganjuran latihan dan bengkel pengurusan pentadbiran melibatkan aspek kewangan dan pembangunan insaniah.

Kelima, mendigitalisasi urusan pondok melalui nota e-book, aplikasi Zoom, podcast, sistem kawalan kewangan dan pangkalan data.

Seterusnya, membina jaringan



kerjasama strategik dengan agensi dalam dan luar negara termasuk NGO.

Selain itu, pelaksanaan Universiti Pondok secara berperingkat mengikut kesesuaian dan keperluan turut disenaraikan sebagai resolusi ketujuh.

Tidak terkecuali, peningkatan kebajikan guru dan pelajar merangkumi infrastruktur serta kemudahan asas.

Lebih 1000 warga pondok juga memutuskan kata sepakat untuk mendokong jemaah Islam yang memperjuangkan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan yang kesepuluh ialah meneguhkan dasar Membangun Bersama Islam di Kelantan agar terus utuh.

Terdahulu, program bermula dengan tausiah oleh Pengerusi Persatuan Guru-Guru Pondok Kelan-

tan Ustaz Wan Rosli Wan Ibrahim dan Pengerusi Persatuan Pondok Turath Pahang Ustaz Batakattullah Mohd Bahari.

Anggota Exco Kerajaan Negeri YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, dalam pembentangan kertas kerja bertajuk "Pondok Kelantan: Kekuatan Para Ulama Benteng Pengukuhan Islam", menegaskan bahawa institusi pondok pernah melalui zaman kegemilangan antara tahun 1909 hingga 1945.

"Tokoh utama yang menggerakkan pusat pengajian pondok ketika itu termasuk Tok Kenali, Tok Selehor, Tok Jelapang dan ramai lagi," katanya.

Beliau turut menyifatkan Tok Kenali sebagai ikon ulama pondok Kelantan yang berjasa besar dalam memperkasa ilmu Islam, termasuk



menubuhkan majalah Pengasuh dan terlibat dalam penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Pada sesi petang, Prof Madya Dr. Umar Muhammad Nor dari Universiti Malaysia Sabah turut membentangkan kertas kerja kedua, memperkukuh lagi perbincangan ilmiah mengenai peranan pondok dalam mendepani cabaran semasa.

Acara perasmian pembukaan dilaksanakan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan pada sesi pagi.

Manakala majlis penutup disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud pada sebelah malam.

Halaman rumah jadi kebun mini, penjana rezeki keluarga – Exco Pertanian



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 1 Oktober – Halaman rumah boleh dijadikan kebun mini yang menyumbang kepada keselamatan makanan, mengurangkan kos sara hidup dan membuka peluang rezeki keluarga.

Demikian saranan Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail yang meli-

hat Program Dapur Hijau sebagai wadah membudayakan pertanian di halaman sendiri.

"Usaha ini bukan sahaja menyokong jaminan makanan mampan, malah memberi peluang kepada setiap keluarga menjadikan halaman rumah sebagai kebun mini yang penuh manfaat," katanya ketika merasmikan Program Dapur Hijau peringkat Parlimen Pengkalan Chepa 2025 di sini, Ahad lalu.



Sebanyak 90 peserta dari DUN Chempaka, Panchor dan Kijang menerima kit pemula pertanian yang merangkumi anak pokok lima kerat lintang, lebih sepuluh jenis biji benih tanaman, baja organik serta panduan menanam.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd atas komitmen menjayakan program yang memberi kesan langsung kepada

masyarakat setempat.

Saranan tersebut disokong Ahli Dewan Negeri (ADN) Chempaka YB Nik Bahrum Nik Abdullah yang menyifatkan inisiatif itu bukan sekadar hobi hujung minggu, sebaliknya langkah bijak menjamin keselamatan makanan dan menyediakan rezeki halal buat keluarga.

"Jelas terpancar kegembiraan para peserta, terutama ibu-ibu yang menjaga kemaslahatan keluarga. Halaman rumah yang sebelum ini kosong bakal menghidu dengan sayuran dan buah-buahan," katanya dalam hantaran di laman rasmi beliau.

Menurutnya lagi, kit yang diagihkan bukan sekadar peralatan bercucuk tanam, tetapi menyuntik semangat untuk menjadikan halaman rumah sebagai "Syurga Hijau" iaitu tempat menuai hasil usaha sendiri dengan penuh keberkatan.

Kontinjen SMK Pengkalan Chepa -SMS Tengku Muhammad Faris Petra johan perbarisan sempena Ulang tahun Keputeraan Sultan Muhammad V

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 30 September – Kontinjen gabungan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pengkalan Chepa dan Sekolah Menengah Sains (SMS) Tengku Muhammad Faris Petra mengungguli pertandingan perbarisan sempena Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V yang ke-56 tahun apabila dinobatkan sebagai johan keseluruhan di Stadium Sultan Muhammad IV, semalam.

Pasukan Kadet Koreksional itu membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 berserta piala kejuaraan dan sijil penyertaan, hasil persembahan disiplin dan kekeemasan formasi yang memikat perhatian panel juri.

Naib johan pula disandang pasukan Kadet Bomba Maahad Muhammadiyah Perempuan yang menerima hadiah wang tunai RM2,000 beserta piala dan sijil, manakala tempat ketiga menjadi milik pasukan Kadet Polis Maahad Muhammadiyah Lelaki dengan hadiah wang tunai RM1,500, piala dan sijil.

Pertandingan perbarisan tersebut diadakan bersempena Istiadat Pemeriksaan Barisan Kehormatan yang berlangsung penuh adat isti-



adat diraja dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V dan Duli Yang Maha Mulia Sultanah Kelantan Sultanah Nur Diana Petra Abdullah.

Baginda berkenan menerima tabik hormat sebelum memeriksa barisan kehormatan yang disertai pasukan keselamatan negeri.

Turut berangkat, Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Fakhry Petra ibni Almarhum Sultan Ismail Petra.

Pasukan Kawalan Kehormatan Utama pada istiadat itu diketuai Mejar Mohd Syazwan Abdul Jalil daripada Rejimen Pertama Artileri Diraja Para, dengan kekuatan tiga pegawai dan 103 anggota lain-lain

pangkat.

Iringan muzik pula dipersembahkan oleh Pancaragam Pusat Tentera Udara Diraja Malaysia diketuai Komander Mohd Shamran Ramli bersama seorang pegawai dan 60 anggota.

Upacara turut diserikan dengan pasukan tembakan meriam daripada 41 Bateri Istiadat Rejimen Artileri Diraja yang diketuai Mejar Hafizan Mat Ghani melibatkan tiga pegawai dan 57 anggota.

Pemeriksaan barisan kehormatan dan pertandingan perbarisan menjadi lambang taat setia rakyat dan agensi keselamatan terhadap Sultan Kelantan dan mencerminkan keunggulan disiplin, kerjasama serta semangat patriotik generasi muda negeri ini.

Turut hadir, Menteri Besar Kelantan Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Nassuruddin bersama isteri Datin Panglima Perang Ustazah Datin Wan Norhanita Wan Yaakob, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Fazi-harudean Al-Haj Tengku Feissal, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ketua-ketua jabatan serta pembesar negeri.

Lebih 50 ribu rakyat Kelantan membanjiri Stadium Sultan Muhammad IV bagi menyaksikan istiadat penuh adat serta menyokong kontinjen yang mengambil bahagian, sekali gus menyemarakkan sambutan ulang tahun keputeraan Sultan Muhammad V yang ke-56 tahun.

Bekalan air bersih di Kelantan dijangka stabil menjelang 2030



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 1 Oktober 2025 – Kerajaan Negeri Kelantan optimis bahawa isu bekalan air bersih akan dapat distabilkan menjelang tahun 2030 menerusi pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur air dengan peruntukan keseluruhan mencecah RM1 bilion.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr. Izani Husin berkata, antara inisiatif utama yang sedang dan akan dilaksanakan termasuk pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) baharu di Machang dan Tanjung Mas, Kota Bharu.

"Loji-loji baharu ini dijangka menyumbang kapasiti keseluruhan sebanyak 120 juta liter air sehari. Di samping itu, sebanyak 330 kilometer paip uzur akan digantikan, diikuti pembangunan sistem agihan serta pembinaan tangki air di seluruh negeri," katanya menerusi satu hantaran di media sosial, hari ini.

Beliau turut menekankan kepentingan kerjasama strategik antara Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) dan kerajaan negeri dalam usaha memperkukuh sistem pengurusan bekalan air.

"Kerjasama erat ini akan memperkukuh pengurusan sistem bekalan air di Kelantan, khususnya dalam menangani isu tekanan rendah serta meningkatkan margin rizab air terawat bagi menampung pertambahan akaun pengguna," jelas beliau.

Dalam pada itu, Dato' Dr. Izani turut memaklumkan bahawa satu lagi projek penting iaitu pembinaan

LRA Bukit Cupak di Gua Musang kini hampir siap, dengan nilai projek sebanyak RM47.9 juta.

"Projek ini dijangka beroperasi tidak lama lagi dan bakal memberi manfaat kepada lebih 25,000 penduduk sekitar, dengan kapasiti pengeluaran air sebanyak 10 juta liter sehari," katanya lagi.

Beliau menegaskan bahawa usaha berterusan itu mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam menyediakan sistem bekalan air yang mampan, efisien dan berupaya menyokong pembangunan sosioekonomi rakyat Kelantan secara berperingkat menjelang tahun 2030.

Ilmu, hikmah dan pengalaman kunci kepimpinan belia – MB Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 28 September – “Generasi muda merupakan pelapis kepimpinan masa hadapan dan perlu dipersiapkan dengan ilmu yang mantap serta keperibadian yang unggul bagi melahirkan negarawan al-qawiyul qmin, iaitu pemimpin yang teguh dan amanah.”

Demikian pesanan Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nasruddin Daud ketika merasmikan Kelantan Future Leaders Conven-

tion 2025 di sebuah hotel di sini, semalam.

Beliau menekankan bahawa kepimpinan bukan sahaja menuntut kebijaksanaan berfikir, malah memerlukan kombinasi ilmu, hikmah dan pengalaman.

“Arwah Tok Guru pernah berpesan kepada semua wakil rakyat bahawa jika kita memiliki ilmu secupak, hikmah pula mestilah se-gantang. Bukan semua orang yang berilmu itu ada hikmah. Ilmu, hikmah dan pengalaman tidak boleh dipisahkan. Hikmah adalah tentang

bijaksana, manakala pengalaman adalah sesuatu yang memerlukan masa,” jelasnya.

Menyentuh tentang persiapan awal kepimpinan, Menteri Besar Kelantan berpesan belia perlu melibatkan diri dalam persatuan atau organisasi sejak di peringkat universiti bagi membina pengalaman kepimpinan, kemahiran bekerjasama dan kemampuan untuk memimpin organisasi.

Beliau turut menyeru agar sejarah pemerintahan dan pentadbiran para nabi yang diberi kekuasaan,

termasuk kisah Ashabul Kahfi, dijadikan inspirasi dan motivasi kepada generasi muda pelapis kepimpinan hari ini.

Sementara itu, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata anak muda perlu berani untuk memimpin dan menggalas tanggungjawab.

“Jangan pernah takut mencabar diri kerana keberanian untuk memimpin, memikul tanggungjawab dan membawa perubahan adalah kunci kepada kepimpinan yang dirahmati. Kepimpinan pula bukan sekadar jawatan, tetapi amanah yang perlu dipikul dengan penuh tanggungjawab. Belia Kelantan harus tampil sebagai peneraju perubahan, bukan sekadar pengikut,” ujarnya.

Majlis perasmian tersebut turut melancarkan Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) yang merupakan inisiatif kerajaan negeri dalam melahirkan pelapis kepimpinan yang mempunyai kriteria al-qawiy dan al-amin.

KelTalks tampilkan tokoh belia Kelantan, cetus inspirasi baharu

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 28 September – Anak muda Kelantan diberi suntikan motivasi melalui program KelTalks: Pentas Inspirasi Belia Kelantan yang menampilkan tokoh-tokoh belia berjaya daripada pelbagai latar belakang, sempena Kelantan Future Leaders Convention 2025 yang berlangsung di Kota Bharu, semalam.

Pengasas & CEO Hannan Medispa Sdn. Bhd. Profesor Adjung Dr. Mohd Hannan Yusof dalam perkongsian menekankan perubahan cara berfikir untuk berjaya dalam kehidupan.

“Kita perlu mengubah mentaliti. Jangan terlebih dahulu memilih untuk menyalahkan orang lain, tetapi lihat diri sendiri terlebih dahulu. Perbetulkan minda kita supaya tidak selalu menyalahkan orang lain,” katanya.

Beliau yang berjaya membuka 124 cawangan Hannan Medispa dengan 1,200 staf itu turut membuka minda para peserta konvensyen bahawa kekayaan bukanlah satu kesalahan.



Bagi Pensyarah Patologi Kimia Dr. Tengku Ahmad Damitri Al-As-tani Tengku Din, aspek kesihatan harus diberikan perhatian.

“Kita perlu menjaga kesihatan kerana pemimpin yang hebat ialah pemimpin yang menjaga kesihatan jasmani serta rohani mereka,” ujarnya.

Sementara itu, seorang peguam cara dan peguam bela Nik Nurliana Ayunni Zukri yang telah mengendalikan pelbagai kes jenayah, mengingatkan bahawa anak muda yang tersalah langkah tidak boleh terus dipandang serong.

“Anak muda yang tersalah pilih jalan sebenarnya bukanlah seorang yang jahat melainkan hanya tersa-



lah membuat pilihan,” jelasnya.

Tokoh Belia Negara 2015 Suhail Mohamed Kamaruddin pula mengajak belia untuk berani berimpian besar.

“Belia di Kelantan jangan takut untuk mempunyai impian kerana apa-apa sahaja akan kelihatan mustahil pada awalnya, tetapi tiada yang mustahil bagi Allah,” katan-ya.

Dalam pada itu, Pegawai Latihan Yayasan Amanah Tok Kenali Syed Ahmad Ridwan Sayed Md. Zain yang membawa perspektif kerohanian menekankan prinsip rabbani kepada anak muda.

“Bahasa mudah untuk mema-hami rabbani ialah orang yang rapat



dengan Tuhan, ketika susah mahu-pun senang, dia tetap mencari Tuhan,” katanya.

Manakala wakil Ahli Dewan Negeri (ADN) Kelantan Ahmad Syakir Mohd Halili yang juga mahasiswa Universiti Malaya, meng-ingatkan bahawa potensi belia perlu digilap bermula sekarang.

“Potensi anak muda sebenarnya bukan bermula semalam, akan tetapi ia bermula hari ini,” tegasnya.

Tokoh-tokoh undangan yang mewakili pelbagai bidang termasuk korporat, perniagaan, akademik, kesihatan, undang-undang dan dakwah, dilihat berjaya menyuntik motivasi serta inspirasi kepada peserta.

Pertandingan Syarahan Perdana PMBI: 46 peserta disaring pada 4 Oktober



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 1 Oktober – Peringkat saringan bagi Pertandingan Syarahan Perdana Penghayatan Membangun Bersa-

ma Islam (PMBI) 2025 dijadualkan berlangsung pada 4 Oktober ini di Dewan Tok Guru, Shabab Point, Kota Bharu.

Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Nik Bahrum Nik Abdullah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk pertandingan, mengucapkan penghargaan kepada semua peserta yang terpilih ke peringkat saringan.

“Tahniah kepada semua peserta yang berjaya ke peringkat saringan. Kita menantikan persembahan hebat daripada mereka pada 4 Okto-

ber nanti,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurut beliau, pertandingan syarahan tahun ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori A (Terbuka) dan Kategori B (Cilik).

“Bagi kategori terbuka, sebanyak 20 daripada 44 peserta yang menghantar video persembahan berjaya mara ke peringkat seterusnya.

“Pemarkahan dilakukan secara teliti oleh panel juri dalaman daripada pihak pengelola pertandingan, iaitu pegawai Urus Setia Pen-

erangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN),” jelasnya.

Sementara itu, bagi kategori cilik, sebanyak 26 penyertaan diterima dan akan dinilai pada peringkat saringan nanti.

Tambahnya, semua peserta saringan akan merebut peluang ke Pentas Akhir Syarahan Perdana PMBI 2025 yang dijadualkan pada 15 Oktober ini.

“Hanya 10 peserta terbaik daripada setiap kategori akan dipilih untuk melangkah ke Pentas Akhir bagi merebut gelaran juara,” jelasnya.

“Bangga jadi anak Kelantan” – Mustapha Kamal angkat nilai budaya, Islam dalam Bicara Selebriti 4.0

Oleh: Syamimi Manah

MACHANG, 27 September – “Saya bangga menjadi anak Kelantan yang dibesarkan dalam suasana masyarakat berbudaya dan berpaksikan nilai Islam,” demikian ungkap pelakon terkenal tanah air, Mustapha Kamal Mohd Daud atau lebih mesra disapa sebagai Abe Mus menerusi Program Bicara Selebriti 4.0 di Padang Kemahkotaan, di sini, semalam.

Menurut beliau yang juga sinonim dengan julukan CEO Megah Holding itu mengakui bahawa Kelantan bukan sahaja terkenal dengan warisan seni dan budayanya, malah berjaya mengekalkan nilai Islam dalam pentadbiran negeri sejak lebih tiga dekad lalu.

“Kerajaan Negeri Kelantan berusaha menjaga seni budaya melalui program kebudayaan dan tradisional. Cabarannya sekarang ialah bagaimana menarik generasi muda untuk menghargai dan meminati seni budaya. Kita perlu merancang sesuatu yang lebih kreatif untuk mereka,” katanya.

Abe Mus turut memuji kejayaan 35 tahun pentadbiran Membangun Bersama Islam yang membawa banyak perubahan positif kepada negeri.

“Suatu ketika dahulu terdapat kegiatan judi dan kelab malam,



tetapi hari ini tiada lagi lesen baharu dikeluarkan untuk kelab judi, malah kegiatan pelacuran juga berjaya dihapuskan di Kelantan,” ujarnya.

Setiap kali pulang ke negeri Cik Siti Wan Kembang, Abe Mus mengakui destinasi utama yang dituju ialah Pasar Siti Khadijah.

“Kalau balik Kota Bharu, saya mesti singgah di Pasar Siti Khadijah. Saya suka mencari ubi keling (kemili) yang sukar ditemui di Kuala Lumpur,” katanya.

Hadir sama isterinya, Susan Manen yang turut berkongsi kecintaannya terhadap budaya dan kuliner Kelantan.

“Saya suka batik Kelantan. Kalau baju raya, paling kurang mesti ada sepasang batik Kelantan. Pertama kali saya makan nasi kerabu

dan budu, saya terus jatuh cinta. Itu antara makanan terbaik bagi saya,” katanya.

Susan turut menzahirkan rasa damai setiap kali menjejakkan kaki ke bumi Kelantan.

“Kelantan ini sangat istimewa. Setiap kali saya balik, hati jadi tenang. Negeri ini penuh dengan suasana aman dan damai. Saya selalu beritahu kawan-kawan yang hanya mendengar cerita negatif, awak perlu ke sini untuk lihat dan rasai sendiri ketenangan negeri ini,” ujarnya.

Sementara itu, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud, menegaskan bahawa kerajaan negeri sentiasa memberi ruang kepada anak seni untuk mengembangkan bakat se-

lagi mana aktiviti hiburan tersebut berpaksikan syariah.

“Kerajaan Negeri Kelantan telah menggubal Enakmen Hiburan 2025 yang disesuaikan dengan perkembangan semasa. Hiburan tidak disekat di Kelantan, asalkan mematuhi syariat dan mendapat permit pihak berkuasa tempatan,” jelasnya.

Untuk rekod, Program Bicara Selebriti 4.0 anjuran Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri (UPKN) yang dikendalikan Penolong Pengarah Penerangan Hareetaran J. Raman sebagai moderator itu dihadiri lebih 300 peserta berdaftar dan sekali lagi berjaya mengangkat seni, budaya dan dakwah dalam suasana harmoni, dengan menampilkan ikon seni tanah air sebagai inspirasi kepada masyarakat.

Persembahan SMACH WO memukau penonton

Oleh: Norzana Razaly

Dalam dunia muzik orkestra sekolah berasrama penuh (SBP), nama SMACH Wind Orchestra (SMACH WO) sudah menjadi sebutan. Setiap persembahan mereka lahir daripada roh dan jiwa muzik yang mendalam bukan semata-mata alunan nota. Itulah ciri istimewa persembahan memukau yang sentiasa dinanti-nanti dan dikenang oleh penonton mahupun barisan juri profesional.

Bagi penggemar muzik wind orchestra, persembahan SMACH WO sering digambarkan sebagai sebuah “masterpiece” yang sarat emosi, penghayatan tinggi dan hampir sempurna. Setiap irama yang mereka dendangkan meninggalkan kesan mendalam, seakan-akan membawa penonton menyelami kisah dan makna di sebalik karya muzik tersebut.

Menjejak persada antarabangsa

Tahun 2025 mencatatkan pencapaian gemilang apabila SMACH WO berjaya menempatkan nama Malaysia di pentas antarabangsa. Mereka bukan sahaja mengharumkan SMACH, bahkan berdiri sebaris dengan pasukan hebat dari Kemboja, Vietnam, Filipina dan Thailand.

Dalam Malaysia International Wind Festival yang berlangsung di Universiti Multimedia pada Julai



2025, SMACH WO telah meraih Silver Award suatu pengiktirafan berprestij yang menandakan langkah besar pasukan ini ke arena global.

Kepimpinan berwibawa

Di sebalik kejayaan ini, terukir dedikasi padu Penasihat Utama, Cikgu Nor Azdilah Ramli bersama konduktor muda berbakat besar Muhammad Dzubair Mohd Daud. Bersama kekuatan 75 ahli, gabungan kepimpinan yang mantap dan semangat juang tanpa mengenal penat telah menjadikan SMACH WO sebuah pasukan orkestra yang berprestij di peringkat kebangsaan dan mewarnai pentas antarabangsa.

Kemenangan berganda di SBP Wind Orchestra Festival

Ogos 2025 melakar detik bersejarah apabila keunggulan SMACH WO menyerlah dalam Festival Wind Orchestra SBP ke-23 anjuran Sekolah Menengah Sains Selangor.

Pertandingan ini menghimpunkan 48 buah SBP seluruh Malaysia di Universiti Multimedia.

Membawakan karya “Legend of the Ancient Hero”, mereka memukau juri dan penonton hingga alunannya tular di media sosial. Hasilnya, SMACH WO berjaya membawa pulang Gold Award, tempat ketiga keseluruhan, manakala konduktor mereka, Muhammad Dzubair Mohd Daud dinobatkan sebagai Konduktor Terbaik.

Ikon muzik di hati masyarakat

Kejayaan demi kejayaan telah menjadikan nama SMACH WO dikenali dalam kalangan warga SBP sekali gus semakin melekat di hati masyarakat. Persembahan mereka kini dinanti, tidak kira di pentas pertandingan mahupun acara rasmi kenegaraan.

Terbaharu, SMACH WO menerima penghormatan tertinggi apabila diundang mempersembahkan persembahan medley lagu-lagu is-

timewa di hadapan Sultan Kelantan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V dalam Majlis Santapan Malam sempena ulang tahun keputeraan baginda yang ke-56 di Dewan Dato’ Bentara Setia, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan pada 29 September 2025.

Muzik bahasa sejagat

Daripada sebuah pasukan pelajar beruniform hingga menjadi duta seni muzik di peringkat antarabangsa, perjalanan SMACH WO adalah kisah tentang tekad, disiplin, dan kesungguhan sehingga berjaya meletakkan Malaysia di peta dunia wind orchestra.

Dengan semangat yang tidak pernah luntur, SMACH WO berazam untuk terus melangkah lebih jauh. Bagi mereka, muzik ialah bahasa sejagat yang menyatukan jiwa dan SMACH WO bersedia berdiri sebagai simbol keunggulan seni muzik wind orchestra dalam dan luar negara.



Pesta Flora Kelantan 2025: MDTM pertahan kejuaraan tiga tahun berturut-turut

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 2 Oktober – Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) sekali lagi membuktikan keunggulan dalam seni landskap apabila mempertahankan gelaran johan Pertandingan Landskap sempena Pesta Flora Negeri Kelantan 2025, menjadikan kemenangan itu kali ketiga berturut-turut.

Kejayaan tersebut melayakkan MDTM membawa pulang hadiah wang tunai RM10,000.

Hadiah tersebut disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultanah Kelantan Sultanah Nur Diana Petra Abdullah yang berkenan mencemar duli merasmikan pesta tahunan itu di Taman Perbandaran Tengku Anis, Tanjung Chat.

Naib johan pertandingan disandang Majlis Daerah Machang dengan hadiah RM7,000, manakala Majlis Daerah Ketereh meraih



tempat ketiga dan pulang bersama hadiah RM5,000.

Menariknya, Sultanah turut berkenan mengurniakan hadiah bagi kategori lain, termasuk Pertandingan Gubahan Bunga daripada Rempah Ratus dan Pertandingan Gubahan Bunga Hidup Lobi Pejabat yang kedua-duanya dimenangi Pejabat Tanah dan Jajahan Machang.

Sementara itu, Menteri Besar Kelantan Dato' Panglima Perang

Ustaz Dato' Nassuruddin Daud menzahirkan penghargaan atas keberangkatan Sultanah yang disifatkan sebagai lambang komitmen baginda dalam usaha menjaga keindahan dan kelestarian alam sekitar negeri.

Beliau berkata, Pesta Flora 2025 yang berlangsung empat hari bermula hari ini hingga 5 Oktober bakal menampilkan pelbagai pengisian menarik termasuk jualan tanaman hiasan dan florikultur, pa-

meran landskap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pameran brome-liad dan nanas, selain jualan kraf-tangan, makanan serta input perta-nian.

"Pengunjung juga akan disajikan dengan persembahan keseni-an dan budaya tempatan. Pesta ini bukan sahaja mengangkat industri florikultur negeri, bahkan mengukuhkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya menjaga kelestarian alam sekitar," katanya.

2 sekolah YIK terima anugerah kecemerlangan sempena Hari Keputeraan Sultan Muhammad V



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 2 Oktober – Dua buah sekolah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) menerima Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V yang ke-56 tahun.

Pengiktirafan itu diberi atas

pencapaian cemerlang sekolah-sekolah tersebut dalam peperiksaan utama tahun 2024.

Mendahului senarai ialah Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Saadah Lilbanat, Beta Hulu, Ketereh yang merupakan sekolah YIK terbaik peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 dengan Gred Pura-ta Sekolah (GPS) 1.68.

Sekolah itu juga menerima

anugerah sekolah terbaik bagi peperiksaan Sijil Menengah Ugama (SMU) 2024 dengan GPS 1.31.

Manakala Maahad Muhammad Lelaki pula menerima anugerah sekolah terbaik Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2024 dengan GPS 2.10.

Majlis pengurniaan anugerah telah disempurnakan oleh KB-DYMM Sultan Muhammad V

semasa Majlis Taman (Raja Bersama Rakyat) yang diadakan sempena sambutan dirgahayu baginda ke-56 tahun di Dataran Warisan, Stadium Sultan Muhammad IV, pada Rabu.

Sehubungan itu, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat menjunjung kasih kepada KB-DYMM Sultan Kelantan atas kurniaan tersebut.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua sekolah terbabit.

"Tahniah diucapkan kepada sekolah-sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang telah menerima Anugerah Kecemerlangan.

"Moga kejayaan ini menjadi pencetus semangat kepada seluruh warga YIK untuk terus mengukir kecemerlangan dalam pendidikan Islam di negeri Kelantan," katanya menerusi satu hantaran di media sosial miliknya, pada Rabu.

Tambahnya, penganugerahan itu membuktikan kejayaan YIK dalam memperkasakan pendidikan Islam dan melahirkan pelajar cemerlang di negeri ini.

Kerajaan Kelantan seru solat hajat demi keselamatan sukarelawan Misi Sumud Flotilla

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 2 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan menyeru seluruh rakyat, khususnya umat Islam, untuk melaksanakan solat hajat dan Qunut Nazilah bagi mendoakan keselamatan sukarelawan Misi Sumud Flotilla yang dilaporkan ditahan pihak berkuasa Israel.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud dalam kenyataan medianya menzahirkan rasa dukacita terhadap insiden itu yang turut mencetuskan kecaman masyarakat antarabangsa.

“Seluruh rakyat Malaysia pastinya berdukacita dan mengecam penahanan sukarelawan Misi Su-



mud Flotilla oleh pihak Israel sebagaimana dilaporkan media awal pagi tadi. Para sukarelawan ini hadir ke Gaza semata-mata untuk misi bantuan kemanusiaan tanpa sebarang kelengkapan bersenjata,” katanya.

Beliau turut menggesa Kerajaan Persekutuan segera mengambil langkah diplomatik dan rundingan agar semua sukarelawan terbabit

dapat dibebaskan dengan segera. Sehubungan itu, katanya, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengarahkan seluruh Bahagian Dakwah Halaqat untuk menggerakkan pelaksanaan solat hajat dan qunut nazilah di semua 45 Dewan Negeri (DUN) Kelantan.

“Kerajaan negeri juga menyeru rakyat untuk turut sama melaksanakan solat hajat di kediaman dan

tempat masing-masing demi keselamatan sukarelawan Misi Sumud Flotilla,” ujar beliau.

Misi Sumud Flotilla disertai aktivis dan sukarelawan kemanusiaan dari pelbagai negara, termasuk Malaysia, bagi menyalurkan bantuan ke Gaza yang sedang berdepan krisis kemanusiaan akibat sekatan berterusan serta konflik berpanjangan.



Pesta Flora 2025 tonjolkan florikultur dan warisan budaya Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 2 Oktober – Pesta Flora Negeri Kelantan 2025 kembali mewarnai Taman Perbandaran Tengku Anis, Tanjung Chat, dengan menonjolkan pameran landskap 12 pihak berkuasa tempatan (PBT), keindahan bunga pelbagai spesies serta persembahan seni budaya tempatan yang memukau.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata acara tahunan bersempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM Sultan Muhammad V ke-56 itu berlangsung selama empat hari, mulai 2 hingga 5 Oktober.

“Pesta Flora tahun ini mengetengahkan pameran landskap, ork-

id, bromeliad dan nanas selain jualan florikultur, kraftangan serta makanan tempatan. Saya menjemput semua rakyat, khususnya warga Kelantan, hadir dan memeriahkan acara dari pukul 10 pagi hingga pukul 11 malam sepanjang empat hari ini,” katanya dalam satu hantaran video di media sosial, hari ini.

Bertemakan “Kelantan Indah,

Flora Mempesona”, pesta tersebut turut menyediakan pelbagai tarikan untuk semua lapisan umur, termasuk Petting Zoo bagi kanak-kanak, pertandingan mewarna dan melukis, serta aktiviti jualan input pertanian.

Selain itu, pengunjung dapat menyaksikan persembahan seni budaya seperti dikir barat, silat, gasing terbang, kertok kelapa, wayang kulit dan lagu tradisional nusantara.

Acara kemuncak hari kedua menyaksikan pertandingan masakan ikan air tawar berasaskan ulaman serta sesi Rasa-rasa Akuakultur yang mengetengahkan kepelbagaian cita rasa tempatan.

Pesta anjuran Kerajaan Negeri Kelantan itu bakal melabuhkan tirai pada 5 Oktober dengan persembahan silat, gasing terbang, kertok kelapa dan wayang kulit sebagai penutup.

Menurut penganjur, Pesta Flora merupakan medan rekreasi keluarga dan platform untuk memperkukuhkan sektor florikultur negeri, mempromosikan landskap hijau lestari serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kelestarian alam sekitar.



Kerajaan Kelantan seru solat hajat demi keselamatan sukarelawan Misi Sumud Flotilla

LTdL 2025: Ribuan sorakan di Pasir Puteh, nama Kelantan dijulang di pentas dunia

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 1 Oktober – Ribuan sorakan rakyat Kelantan bergema di Pasir Puteh ketika menyaksikan detik bersejarah apabila perlumbaan berprestij dunia, Petronas Le Tour de Langkawi (LTdL) 2025 menamatkan saingan peringkat ketiga di negeri ini, semalam.

Perlumbaan sejauh 198.2 kilometer dari Gerik ke Pasir Puteh memukau peminat sukan berbasikal sekali gus menjulang nama Kelantan ke persada antarabangsa apabila bumi Serambi Mekah ini sekali lagi menjadi destinasi penting dalam kalendar perlumbaan bertaraf dunia.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad menegaskan bahawa acara tersebut melakar impak besar dalam arena sukan dan kepada imej negeri.

“LTdL menyerlahkan kehebatan sukan berbasikal bertaraf dunia, pada masa sama mengangkat



nama Negeri Kelantan di pentas antarabangsa,” katanya dalam satu hantaran di media sosial pada Selasa.

Beliau menyifatkan sambutan hangat rakyat membuktikan sukan mampu menjadi medium penyatuan masyarakat dan memperkukuh imej Kelantan sebagai destinasi pelancongan serta penganjuran acara bertaraf tinggi.

Pada peringkat ketiga itu, pelumba pasukan XDS-Astana,

Matteo Malucelli, muncul juara selepas menewaskan pelumba berpengalaman Uno-X Mobility, Alexander Kristoff.

YB Zamakhshari juga menyampaikan hadiah kepada pemenang, disaksikan Ketua Jajahan Pasir Puteh Mohd Kamarulzaman Ab Wahab, Ketua Jajahan Machang Mohd Zamri Ibrahim dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Kelantan (MSN), Feisal Abdullah.

LTdL 2025 yang memasuki edisi ke-29 itu merangkumi lapan peringkat perlumbaan dengan jarak keseluruhan lebih 1,200 kilometer, merentasi negeri-negeri utama di Semenanjung sebelum melabuhkan tirai di Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur pada 5 Oktober.

“Semoga Kelantan terus menjadi destinasi penting dalam kalendar sukan dunia,” ujar YB Zamakhshari.

